



Saudara dan Saudari yang dikasihi dalam Kristus,

Kegirangan dari Paska adalah sangat besar sehingga tidak mencukupi untuk hanya menghadkan perayaan kita pada satu hari sahaja. Sekiranya Prapaska perlu dipatuhi selama 40 hari, maka Paska, suatu sambutan misteri terkandung dalam iman Kristiani kita, harus diraikan dengan lebih panjang lagi iaitu selama 50 hari. Pada hari ini, Pentakosta menandakan berakhirnya musim Paska ini. Sebagai penutup bermakna kepada musim ini, kita akan mendengar paderi menyanyikan Alleluia di pengakhiran misa, sebagaimana yang telah dilakukan olehnya pada Ahad Paska.

Namun Pentakosta bukan sahaja suatu pengakhiran penuh bererti bagi musim Paska ini, tetapi juga menandakan hari lahir atau permulaan misi Gereja sejurus selepas menerima baptisan api melalui Roh Kudus yang datang ke atas para Rasul. Sebelum menjadi sambutan rasmi Gereja, Pentakosta pada suatu ketika dahulu diperingati oleh orang Yahudi sebagai suatu pesta ziarah yang penting—di mana secara alamiah, ia merupakan suatu pesta menuai, manakala secara rohaniah, ia memperingati pemberian Perintah Allah kepada Nabi Musa di Gunung Sinai. Kini, dengan perayaan perjanjian baru menerusi wafat, kebangkitan dan kemuliaan Kristus, Hari Raya ini telah mencapai pengertian baru secara berganda.

Hari ini juga, kita menyambut hasil buah dan pengaruh pencurahan Roh Kudus: Dengan selesainya kerja penyelamatan, kepenuhan rahmat bagi Gereja dan anak-anaknya, dan karunia iman bagi semua bangsa.

Pada waktu ini juga, beberapa komuniti kita turut menyambut pesta menuai masing-masing: Kaamatan (Sabah), Gawai (Sarawak) dan Penan (Indonesia). KAGAPE adalah kata ciptaan baru yang merangkumi ketiga-tiga sambutan pesta ini. Berakar umbikan cucuk tani, sebagaimana Ponggal untuk bangsa Tamil dan Tahun Baru Cina, perayaan kebudayaan ini telah beralih daripada upacara tanda kesyukuran atas hasil melimpah yang diterima kepada suatu acara keramaian berkomuniti yang menyambut dan memperbaharui jalinan persaudaraan antara satu sama lain, tidak mengira etnik, agama dan latar belakang.

Pertembungan pelbagai sambutan ini adalah bukan suatu kebetulan. Hari ini merupakan suatu hari di mana kita harus bersyukur kepada Tuhan, atas hasil tuaian buah Roh Kudus yang telah kita saksikan dalam Gereja kita, khususnya paroki Holy Family. Kita diingatkan bahawa Gereja bukan sekadar suatu organisasi berfirman manusia atau suatu ciptaan manusia. Kita boleh menyemai benih Injil, tetapi Roh Kuduslah yang menjadikan Firmannya melalui kerja-Nya, Allah membawa pertumbuhan, dan keberkatan tuaian bermula dengan hasil buah-buah pertama Pentakosta dan berterusan di kalangan dan dalam kita, sehingga ke akhir zaman.



Pentakosta ini tiba di kala cabaran dan kesempatan luar biasa. Kita sedang beransur keluar dari tragedi dan kekangan pandemik ini. Kita turut menyaksikan bagaimana ekonomi negara yang terjejas akibat sekatan pergerakan dan salah pengurusan melampau, terus menghampiri jurang kemelesetan. Dari segi rohaniah, di kala paroki kita telah kembali ke suatu bentuk keadaan normal, ramai masih menjauhkan diri kerana telah terbiasa dengan rutin mengikuti Misa dalam talian dan belum lagi membuat keputusan untuk kembali secara fizikal. Ada juga yang telah kehilangan arah tuju hidup spiritual, di mana Gereja dan kepercayaannya telah menjadi suatu bendasing dalam kehidupan mereka. Dengan keadaan ini, kita amat memerlukan suatu kebangkitan semula batin, suatu Pentakosta semula, komitmen semula warga Gereja ke arah misi menanam, menatang dan menuai hasil penyelamatan jiwa, terutamanya bagi mereka yang telah kehilangan semarak dan semangat iman.

Sebagai permulaan, berikut adalah beberapa perkara yang anda boleh lakukan bagi menikmati kasih karunia dan buah rohaniah yang diterima oleh Roh Kudus, antaranya:

1. Mengajak kawan atau saudara mara ke IKD, yang akan bermula pada bulan Julai ini;
2. Melibatkan diri dalam pelayanan ministri di paroki;
3. Menggalakkan seseorang untuk kembali ke Gereja untuk Misa Kudus;
4. Melibatkan diri dalam BEC terdekat;
5. Mengikuti sesi formasi yang seterusnya;
6. Menziarahi warga tua dan mereka yang terpaksa duduk di rumah;
7. Dan sekiranya anda belum kembali, pulanglah ke Gereja untuk menghadiri Misa secara langsung

Dalam perjalanan hidup ini, kita memerlukan kehadiran Roh Kudus, 'Tuhan yang menghidupkan', berkat karunia-Nya kepada Gereja dan dunia, yang kita raikan sekali lagi di Pentakosta. Marilah kita terus menyambut Perayaan ini dengan harapan berkekalan agar kita dapat bermula memperbaiki semula yang telah rosak dan memberi laluan kepada Roh Kudus untuk memberi nafas semangat baru yang membara ke dalam Gereja kita. Harapan kita boleh diperkukuhkan melalui doa kita. Semoga permohonan kita senantiasa membenarkan Roh Kudus membimbing kita, menguatkan keazaman kita dan 'memperbaharui seluruh muka bumi'.

Kepada sahabat kita dari Sabah, Sarawak, dan Indonesia; Selamat Hari Kaamatan, Gawai dan Penan!

Gembala anda yang menyayangi,
Fr Michael Chua, Fr Philip Chua dan Fr Bonaventure Rayappan
Perayaan Pentakosta
5hb Jun 2022
#HFKCOMEHOME